

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS
JOHNITY ONGKILI [KOTA MARUDU]**

TARIKH : 10 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat manakah matlamat-matlamat Wawasan 2020 telah tercapai untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan adakah Kerajaan bercadang meneruskan cita-cita wawasan ini atau mengorbankannya (*abandon*) semata-mata.

JAWAPAN: **YB DATUK LIEW VUI KEONG**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan menjangkakan matlamat mencapai status negara maju menjelang tahun 2020 seperti yang digariskan dalam Wawasan 2020 hanya dapat dicapai dalam satu jangka beberapa tahun lagi bergantung kepada pengamalan dasar yang betul. Kelewatian ini berpunca daripada pelaksanaan dasar oleh Kerajaan sebelum ini yang tidak seiring dengan usaha mencapai aspirasi Wawasan 2020 tersebut.

2. Dalam konteks ini, Kerajaan akan terus melakukan beberapa perubahan dasar, strategi dan cara pelaksanaan untuk memenuhi harapan rakyat, membina semula serta mengembalikan kegemilangan negara. Antara lain, Kerajaan telah pun melancarkan “Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB)”, di mana ia telah merumuskan wawasan “Luar Bandar Yang Sejahtera, Inklusif, Mampan dan Holistik”

NO. SOALAN : 36

sebagai agenda utama dalam proses pembangunan luar bandar di Malaysia menjelang tahun 2030.

3. Yang terkini, Kerajaan telah memperkenalkan Wawasan Kemakmuran Bersama. Wawasan Kemakmuran Bersama ini merupakan panduan penetapan dasar, strategi dan inisiatif rancangan pembangunan jangka masa pendek, sederhana dan panjang negara. Matlamat akhir segala usaha Kerajaan ini adalah untuk memastikan seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira kaum mengecapi taraf hidup wajar atau “*decent standard of living*” menjelang tahun 2030.

Sekian, terima kasih.